

5

Prestasi Kewangan Sektor Awam

Prestasi Tahun 2000

Sejak Tahun 1998 teras dasar fiskal mengembang telah diteruskan untuk merangsang aktiviti ekonomi sebagai sebahagian daripada langkah *counter cyclical* kerajaan bagi mengukuhkan lagi proses pemulihan ekonomi negara. Oleh itu Belanjawan 2000 yang dibentangkan di Parlimen pada Oktober 1999 dan pembentangan semula pada Februari 2000 adalah untuk terus menggalakkan pertumbuhan

ekonomi. Sungguhpun kerajaan mengamalkan dasar fiskal yang mengembang, pengurusan kewangan kerajaan tetap berhemat dan berdisiplin bagi memastikan ianya mapan dalam jangka panjang. Sehubungan ini kerajaan sentiasa memastikan akaun semasa terus mencatat lebih manakala defisit keseluruhannya berada pada paras mapan. Pembiayaan defisit ini sebahagian besarnya diperolehi daripada sumber-sumber yang tidak membawa kesan inflasi tanpa menyekat peluang sektor swasta mendapatkan sumber pembiayaan dalam negeri.

Jadual 5.1

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan

	RM juta			% Perubahan		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001
Sektor Kerajaan						
Akaun Semasa						
Hasil	70,324	73,786	83,572	1.4	4.9	13.3
Perbelanjaan mengurus	53,868	65,008	67,860	7.1	20.7	4.4
Baki akaun semasa	16,455	8,777	15,712	-13.9	-46.7	79.0
Lebihan semasa PABK ⁴	37,432	37,038	39,980	66.3	-1.1	7.9
Lebihan semasa sektor awam	53,887	45,815	55,692	29.4	-15.0	21.6
Perbelanjaan pembangunan	48,778	54,911	60,846	10.1	12.6	10.8
Sektor kerajaan	22,526	25,969	33,411	31.5	15.3	28.7
PABK	26,252	28,942	27,435	-3.4	10.2	-5.2
Baki keseluruhan	5,109	-9,096	-5,154			
% KNK	1.8	-3.0	-1.6			

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

⁴ tidak termasuk pemberian daripada kerajaan pusat.

Rangsangan fiskal telah membantu pemulihan ekonomi melalui sumbangan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 1999, sumbangan terbesar kepada pertumbuhan KDNK adalah daripada sektor awam berbanding dengan sumbangan sektor swasta yang telah menguncup. Sumbangan sektor awam dijangka kekal tinggi pada tahun 2000, tetapi sumbangan sektor swasta berikutan pemulihan aktivitiinya, dijangka meningkat dengan ketara jauh lebih tinggi daripada sektor awam.

Sektor Awam

Sektor awam terdiri daripada sektor kerajaan (Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan-badan berkanun) dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Perbelanjaan mengurus sektor kerajaan dianggarkan meningkat 20.7% kepada RM65,008 juta, seperti di *Jadual 5.1*. Sebaliknya, hasil sektor kerajaan dijangka meningkat 4.9% kepada RM73,786 juta (1999: RM70,324 juta). Berikutan itu, lebihan akaun semasa sektor kerajaan dijangka merosot kepada RM8,777 juta (1999: RM16,455

juta). Lebihan semasa **PABK** pada tahun 2000 juga dijangka menurun 1.1% kepada RM37,038 juta kerana peningkatan belanja mengurus. Memandangkan lebihan semasa sektor kerajaan dan PABK yang lebih rendah, lebihan akaun semasa bagi kedudukan kewangan sektor awam yang disatukan dijangka merosot kepada RM45,815 juta (1999: RM53,887 juta).

Perbelanjaan Pembangunan sektor awam dijangka meningkat 12.6% lagi kepada RM54,911 juta (1999:10.1%, RM48,778 juta). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan yang meningkat 15.3% dan PABK yang dijangka meningkat 10.2%. Dengan mengambil kira perbelanjaan pembangunan yang tinggi, kedudukan kewangan sektor awam dijangka mencatatkan defisit berjumlah RM9,096 juta berbanding dengan lebihan RM5,109 juta pada tahun 1999.

Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan rangsangan fiskal, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka

Jadual 5.2

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM juta			% Perubahan		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001
Hasil	58,677	63,500	69,610	3.5	8.2	9.6
Perbelanjaan mengurus	46,699	58,206	60,710	4.7	24.6	4.3
Baki semasa	11,978	5,294	8,900	-1.2	-55.8	68.1
Perbelanjaan pembangunan kasar	22,614	25,286	26,836	24.9	11.8	6.1
Terimaan balik pinjaman	1,152	2,000	1,800	18.2	73.6	-10.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	21,462	23,286	25,036 ⁴	25.3	8.5	7.5
Baki keseluruhan	-9,484	-17,992	-16,136	—	—	—
% KNK	-3.4	-5.9	-4.9			


¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ belanjawan disemak, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

⁴ tidak mengambil kira RM 2000 juta tabung luar jangka.

Carta 5.1
Kewangan Kerajaan Persekutuan -
Akaun Semasa



meningkat dengan kadar yang lebih tinggi 20.5% berbanding peningkatan kutipan hasil 8.2% seperti di *Jadual 5.2*. Perbelanjaan yang lebih tinggi ini disebabkan oleh peningkatan ketara bagi kedua-dua perbelanjaan mengurus sebanyak 24.6% dan perbelanjaan pembangunan 11.8%. Justeru, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada RM17,992 juta atau 5.9% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 2000 (1999: -RM9,484 juta atau 3.4% daripada KNK).

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000 dijangka meningkat lebih tinggi pada kadar 8.2% berbanding anggaran Belanjawan sebanyak 2.1% seperti di *Jadual 5.3*. Peningkatan hasil yang lebih baik dari jangkaan adalah berikutan tahap pemulihan ekonomi yang sangat cergas. Oleh itu, hasil cukai meningkat 7% (1999: 0.02%) berikutan hasil peningkatan terutamanya cukai pendapatan individu dan petroleum. Di samping itu, pelaksanaan taksiran tahun semasa juga menyumbang kepada kutipan hasil cukai yang lebih tinggi. Secara keseluruhannya, **hasil cukai** terus kekal sebagai penyumbang terbesar iaitu hampir 76.4% daripada jumlah keseluruhan hasil atau 16% daripada KNK.

Jadual 5.3

Hasil Kerajaan Persekutuan

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Hasil cukai	45,347	48,510	53,683	0.0	7.0	10.7	77.3	76.4	77.1
Cukai langsung	27,247	29,808	33,802	-9.2	9.4	13.4	46.4	46.9	48.6
Cukai tak langsung	18,100	18,702	19,881	18.1	3.3	6.3	30.8	29.5	28.6
Hasil bukan cukai	13,330	14,990	15,927	17.2	12.5	6.3	22.7	23.6	22.9
Jumlah hasil	58,677	63,500	69,610	3.5	8.2	9.6	100.0	100.0	100.0


¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

Hasil **cukai langsung** yang merupakan 46.9% daripada keseluruhan hasil dijangka mencatatkan peningkatan ketara 9.4% kepada RM29,808 juta berbanding penurunan 9.2% pada tahun 1999. Cukai pendapatan utama, khasnya cukai pendapatan individu dan petroleum dijangka meningkat dengan ketara berbanding pertumbuhan negatif pada tahun 1999, seperti di *Jadual 5.4*. Bagi cukai syarikat, kemerosotan kutipan telah berkurang berikutan usaha-usaha kerajaan bagi menyelesaikan masalah dalam sektor perbankan dan kewangan berserta usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC). Dari segi kadar kenaikan, hasil cukai pendapatan petroleum dijangka meningkat 95.2% pada tahun 2000 (1999: -29.4%) berikutan harga petroleum yang lebih tinggi. Hasil cukai pendapatan individu pula dijangka meningkat 12.4% selepas penurunan 7% pada tahun 1999.

Berbeza dengan cukai langsung, **cukai tidak langsung** secara keseluruhannya dijangka meningkat 3.3% (1999: 18.1%) seperti di *Jadual 5.5*. Kenaikan harga petroleum dan prestasi ekonomi yang kukuh telah menyumbang kepada kutipan hasil yang tinggi daripada duti eksport petroleum dan cukai jualan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pemansuhan duti import



Jadual 5.4

Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Cukai pendapatan	25,159	27,706	31,596	-11.3	10.1	14.0	92.3	92.9	93.5
Syarikat	15,742	14,767	16,250	-9.0	-6.2	10.0	57.8	49.5	48.1
Individu	6,419	7,213	7,620	-7.0	12.4	5.6	23.6	24.2	22.5
Petroleum	2,856	5,575	7,567	-29.4	95.2	35.7	10.5	18.7	22.4
Koperasi	142	151	159	10.1	6.3	5.3	0.5	0.5	0.5
Lain-lain	2,088	2,102	2,206	26.8	0.7	4.9	7.7	7.1	6.5
Duti setem	1,566	1,678	1,762	31.6	7.2	5.0	5.7	5.6	5.2
Lain-lain	522	424	444	14.2	-18.8	4.7	1.9	1.5	1.3
JUMLAH	27,247	29,808	33,802	-9.2	9.4	13.4	100.0	100.0	100.0


¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

dan duti eksais minyak petrol dan keluaran petroleum mulai tahun 2000, selaras dengan komitmen Malaysia kepada Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), telah mengimbangi peningkatan hasil cukai tidak langsung. Kutipan duti eksport dijangka meningkat dengan ketara 69.1% (1999: 7.5%) memandangkan duti eksport petroleum menyumbang lebih 90% kepada kutipan keseluruhan duti eksport. Cukai jualan juga dijangka meningkat dengan ketara 33.5% dan cukai perkhidmatan 21.4%, selaras dengan peningkatan perbelanjaan penggunaan serta pergantungan yang lebih besar ke atas cukai berasaskan penggunaan. Sebaliknya, duti eksais dijangka merosot dengan ketara 22.3% dan juga duti import 17%.

Hasil bukan cukai, terutamanya meliputi terimaan daripada pendapatan pelaburan, lesen dan permit serta royalti petroleum dianggarkan meningkat 12.5% kepada RM14,990 juta seperti di *Jadual 5.6*. Terimaan dari lesen dan permit dianggarkan meningkat 31.6% kepada RM6,070 juta (1999: RM4,612 juta) berikutan peningkatan jualan kenderaan bermotor yang menyumbang lebih 50% kepada hasil daripada lesen dan permit. Kutipan daripada sumber bukan cukai lain termasuk terimaan bukan hasil dan terimaan dari Wilayah-wilayah Persekutuan dijangka meningkat 6% kepada RM1,329 juta (1999: RM1,254 juta).



Jadual 5.5

Cukai Tidak Langsung Kerajaan Persekutuan

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Duti eksport	670	1,133	1,203	7.5	69.1	6.2	3.7	6.1	6.1
Duti import	4,720	3,919	3,962	22.0	-17.0	1.1	26.1	21.0	19.9
Duti eksais	4,723	3,671	3,947	31.7	-22.3	7.5	26.1	19.6	19.9
Cukai jualan	4,488	5,993	6,471	16.7	33.5	8.0	24.8	32.0	32.5
Cukai perkhidmatan	1,459	1,771	2,042	0.8	21.4	15.3	8.1	9.5	10.3
Lain-lain	2,040	2,215	2,256	4.6	8.6	1.9	11.3	11.8	11.3
JUMLAH	18,100	18,702	19,881	18.1	3.3	6.3	100.0	100.0	100.0

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

Jadual 5.6

Hasil Bukan Cukai Kerajaan Persekutuan

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Lesen/permit	4,612	6,070	6,765	-5.1	31.6	11.4	34.6	40.5	42.5
Perkhidmatan/ Bayaran	457	487	474	9.6	6.6	-2.7	3.4	3.2	3.0
Pendapatan pelaburan	7,007	7,104	7,264	43.5	1.4	2.3	52.6	47.4	45.6
Lain-lain	1,254	1,329	1,424	3.1	6.0	7.1	9.4	8.9	8.9
JUMLAH	13,330	14,990	15,927	17.2	12.5	6.3	100.0	100.0	100.0

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

Peruntukan Mengurus

Jumlah perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 24.6% kepada RM58,206 juta pada tahun 2000 (1999: 4.7%, RM46,699 juta) seperti di *Jadual 5.7*. Kenaikan ini adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan bagi subsidi, bekalan dan perkhidmatan, pelarasan gaji kakitangan awam serta bayaran khidmat hutang yang lebih tinggi. Perbelanjaan untuk subsidi dijangka meningkat 302.1% kepada RM4,568 juta (1999: -1.1%, RM1,136 juta) terutamanya berpunca daripada peningkatan dalam subsidi minyak diesel, petrol dan gas petroleum cecair (LPG). Perbelanjaan untuk **emolumen** dianggarkan meningkat 8.1% kepada RM15,608 juta (1999: 3.2%, RM14,436 juta) berikutan pelarasan 10% gaji dan kenaikan elaun perumahan bagi kategori tertentu kakitangan awam. Sebahagian besar atau 60% emolumen adalah bagi sektor sosial, terutamanya bayaran gaji untuk para guru dan jururawat .

Perbelanjaan untuk **pencen dan ganjaran** juga dijangka meningkat 16.1% kepada RM4,404 juta (1999: 3.7%, RM3,792 juta) berikutan pelarasan gaji perkhidmatan awam. Selaras dengan usaha yang berterusan untuk meningkatkan perkhidmatan awam, perbelanjaan ke atas **bekalan dan perkhidmatan** dianggar mencatatkan peningkatan dua angka sebanyak 30.6%. Sebahagian besar dari perbelanjaan ini adalah untuk perolehan bekalan pejabat berkaitan aplikasi perdana

e-kerajaan, pembaikan dan penyelenggaraan serta bayaran perkhidmatan profesional. Di samping itu, **bayaran khidmat hutang**, iaitu bayaran bagi kadar faedah untuk pinjaman dalam dan luar negeri dijangka meningkat 21.3% kepada RM9,630 juta (1999: 14.6%, RM7,941 juta). Oleh kerana kebanyakan pinjaman adalah dari sumber dalam negeri, bayaran kadar faedah dalam negeri merupakan 84.4% daripada keseluruhan bayaran kadar faedah.

Peruntukan Pembangunan

Jumlah perbelanjaan pembangunan meningkat 11.8% kepada RM25,286 juta pada tahun 2000 (1999: RM22,614 juta) seperti di *Jadual 5.8*. Keutamaan diberi kepada projek yang boleh menjana aktiviti ekonomi dengan pengaliran keluar yang minima melalui import serta yang boleh merangsang pelaburan swasta. Justeru itu, sejumlah besar perbelanjaan iaitu 45.5% diperuntukkan untuk sektor ekonomi, terutamanya untuk sektor kecil pengangkutan serta perdagangan dan perindustrian. Bagaimanapun, peruntukan yang besar juga disediakan untuk sektor sosial berjumlah 31.3% terutamanya untuk kesihatan dan pendidikan. Ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan taraf sosial penduduknya, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah.

Jadual 5.7

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Emolumen	14,436	15,608	16,921	3.2	8.1	8.4	30.9	26.8	27.9
Bayaran khidmat hutang	7,941	9,630	10,175	14.6	21.3	5.7	17.0	16.5	16.8
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	1,513	2,080	2,080	-11.8	37.5	0.0	3.2	3.6	3.4
Pencen dan ganjaran	3,792	4,404	3,962	3.7	16.1	-10.0	8.1	7.6	6.5
Bekalan dan perkhidmatan	6,074	7,930	10,088	16.5	30.6	27.2	13.0	13.6	16.6
Subsidi	1,136	4,568	2,400	-1.1	302.1	-47.5	2.4	7.8	4.0
Pemberian kepada badan-badan berkanun	4,911	4,143	5,053	26.3	-15.6	22.0	10.5	7.1	8.3
Bayaran balik	1,718	2,125	1,857	-26.8	23.7	-12.6	3.7	3.7	3.1
Lain-lain	5,178	7,718	8,174	-9.2	49.1	5.9	11.1	13.3	13.5
JUMLAH	46,699	58,206	60,710	4.7	24.6	4.3	100.0	100.0	100.0

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

⁴ termasuk emolumen.

Jadual 5.8

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor




	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Keselamatan	3,122	2,785	3,158	126.4	-10.8	13.4	13.8	11.0	11.8
Perkhidmatan sosial	6,936	7,909	10,934	19.7	14.0	38.3	30.7	31.3	40.7
Perkhidmatan ekonomi	8,969	11,514	9,429	-2.8	28.4	-18.1	39.7	45.5	35.1
Pentadbiran am	3,587	3,078	3,315	111.3	-14.2	7.7	15.9	12.2	12.4
JUMLAH	22,614	25,286	26,836	24.9	11.8	6.1	100.0	100.0	100.0

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

Carta 5.4
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



1/ Tidak termasuk emolumen sebilangan besar badan berkanun.

Perbelanjaan **sektor ekonomi** dianggarkan meningkat 28.4% kepada RM11,514 juta seperti di *Jadual 5.9*. Perbelanjaan terbesar sektor ini adalah untuk **pengangkutan**, iaitu 42.6% atau RM4,908 juta. Pembinaan dan peningkatan taraf jalanraya dan jambatan melibatkan RM3,194 juta sementara perbelanjaan untuk landasan keretapi, pelabuhan dan lapangan terbang berjumlah RM1,714 juta. Perbelanjaan ini bertujuan memperbaiki lagi rangkaian pengangkutan negara. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan berjumlah RM3,977 juta atau 34.5% adalah untuk sektor kecil **perdagangan dan perindustrian**. Kebanyakan daripada perbelanjaan ini adalah untuk membangunkan kemudahan infrastruktur serta penyelidikan dan pembangunan bagi sektor pembuatan seperti di *Jadual 5.10*. Perbelanjaan untuk **pertanian dan pembangunan luar bandar** meningkat 23.8% kepada RM1,347 juta (1999: RM1,088 juta) seperti di *Jadual 5.11* mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk membawa pembangunan wilayah yang berimbang.

Perbelanjaan bagi **sektor sosial** dijangka meningkat 14% kepada RM7,909 juta (1999: RM6,936 juta) seperti di *Jadual 5.12*. Daripada jumlah ini, 49.4% adalah untuk pendidikan dan latihan kemahiran termasuk pembinaan makmal komputer serta biasiswa untuk pendidikan tinggi. Perbelanjaan bagi perumahan merupakan perbelanjaan kedua terbesar di bawah sektor sosial berjumlah RM1,211 juta, terutamanya untuk projek perumahan awam kos rendah bagi golongan berpendapatan rendah serta kuarters untuk tentera, anggota polis dan guru di kawasan luar bandar. Perbelanjaan untuk perkhidmatan kesihatan dijangka meningkat kepada RM1,203 juta (1999: RM836 juta) terutamanya untuk pembinaan klinik-klinik kesihatan luar bandar dan menaikkan taraf hospital yang sedia ada. Ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik terutamanya di kawasan luar bandar.

Perbelanjaan bagi sektor keselamatan dianggarkan menurun 10.8% kepada RM2,785 juta (1999: RM3,122 juta). Perbelanjaan ini kebanyakannya adalah untuk pembelian peralatan bagi program pemodenan angkatan tentera dan polis.

Pembiayaan

Dengan kadar kecairan yang tinggi dalam ekonomi, sebahagian besar defisit Kerajaan Persekutuan

Jadual 5.9

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Perkhidmatan Ekonomi

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Pertanian dan pembangunan luar Bandar	1,088	1,347	1,472	113.4	23.8	9.3	12.1	11.7	15.6
Kemudahan awam	1,850	1,071	975	-6.0	-42.1	- 8.9	20.6	9.3	10.3
Perdagangan dan perindustrian	2,798	3,977	2,491	-13.3	42.1	-37.4	31.2	34.5	26.4
Pengangkutan	2,893	4,908	4,429	-5.2	69.7	-9.8	32.3	42.6	47.0
Perhubungan	289	22	13	11,787.2	-92.4	-40.9	3.2	0.2	0.1
Lain-lain	51	189	49	121.7	270.6	-74.1	0.6	1.7	0.5
JUMLAH	8,969	11,514	9,429	-2.8	28.4	-18.1	100.0	100.0	100.0

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

Jadual 5.10

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Bagi Program Perdagangan dan Perindustrian



	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Pembangunan industri	24	38	1	-29.7	58.5	-98.4	0.8	0.9	0.0
Perkhidmatan ekonomi	2,048	2,414	821	-16.2	17.9	-66.0	73.2	60.7	33.0
Pelancongan	301	251	502	137.0	-16.7	100.3	10.8	6.3	20.1
Penyelidikan industri	384	1,242	1,129	-31.3	223.1	-9.1	13.7	31.2	45.3
Lain-lain	41	32	38	-35.5	-22.4	18.3	1.5	0.8	1.5
JUMLAH	2,798	3,977	2,491	-13.3	42.1	-37.4	100.0	100.0	100.0

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

Carta 5.5
Perbelanjaan Pembangunan
Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor



Pentadbiran am.
 Keselamatan.
 Perkhidmatan sosial.
 Perkhidmatan ekonomi.

dibiayai melalui sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi. Pendekatan ini diambil supaya pinjaman dari sumber luar negeri dikurangkan, dan dengan itu mengurangkan pendedahan kepada risiko tukaran asing dan turun naik kadar faedah. Pinjaman luar Kerajaan Persekutuan sebahagian besarnya adalah dari sumber pinjaman sedia ada dua hala dan pelbagai hala. Di samping itu, kerajaan juga melaksanakan pembiayaan semula pinjaman sedia ada. Dalam hal ini, kerajaan telah melancarkan semula terbitan bon AS\$ satu bilion. Rancangan awal adalah untuk meminjam AS\$350 juta. Walau bagaimanapun memandangkan terbitan ini mendapat sambutan hebat dengan lebih langganan sebanyak empat kali ganda, kerajaan telah memutuskan untuk meminjam AS\$500 juta.

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan sebanyak RM22,685 juta, di mana 77.1% daripadanya adalah dari sumber dalam negeri melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). Terbitan kasar SKM dianggarkan RM15,500 juta dan TPK RM2,000 juta. Dengan mengambilkira bayaran balik pinjaman dalam negeri berjumlah RM5,286 juta, pinjaman bersih dalam negeri dianggarkan RM12,214 juta. Selain daripada menetapkan rujukan kadar pulangan bagi pasaran bon tempatan, SKM juga merupakan sumber utama pinjaman dalam negeri bagi Kerajaan Persekutuan. Peniaga utama SKM adalah bank perdagangan, syarikat kewangan dan syarikat diskaun. Sehingga akhir 1999, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus merupakan pemegang utama SKM iaitu 66% daripada SKM yang telah diterbitkan. Bagi TPK pula, ianya merupakan alat bagi menggalakkan perkhidmatan kewangan berasaskan Islam. Pelanggan utamanya adalah Bank Islam dan Institusi Kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam.

Pengeluaran keseluruhan pinjaman luar negeri sedia ada dianggarkan berjumlah RM1,955 juta, kebanyakannya dari Bank Dunia (RM582 juta), Bank Pembangunan Islam (RM38 juta) dan Bank Pembangunan Asia (RM20 juta). Pengeluaran pinjaman di bawah program Miyazawa, kebanyakannya dari Japan Bank For International Cooperation (JBIC), berjumlah RM712 juta. Dengan mengambilkira pembiayaan semula dan pengeluaran pinjaman sedia ada serta bayaran balik pinjaman, jumlah pinjaman luar bersih untuk tahun 2000 dianggarkan bernilai RM1,017 juta.

Jadual 5.11

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
Bagi Program Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar**

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Pertanian	241	363	292	5.6	50.8	-19.7	22.1	27.0	19.8
Pembangunan tanah	99	153	134	122.1	54.5	-12.4	9.0	11.3	9.1
Pengairan dan saliran	349	496	628	24.3	42.1	26.6	32.1	36.8	42.7
Penanaman semula getah	175	2	97	9.2	-99.1	5,892.4	16.1	0.1	6.6
Perikanan	71	115	140	-18.0	61.3	21.8	6.6	8.5	9.5
Penternakan	34	53	44	28.4	53.0	-16.5	3.2	3.9	3.0
Perhutanan	30	47	19	7.1	56.1	-60.5	2.8	3.5	1.3
Lain-lain	89	118	118	-14.4	32.8	0	8.2	8.8	8.0
JUMLAH	1,088	1,347	1,472	13.4	23.8	9.3	100.0	100.0	100.0

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.

Jadual 5.12


**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
Bagi Perkhidmatan Sosial**

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	1999 ¹	2000 ²	2001 ³	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Pendidikan	3,865	3,907	5,923	32.6	1.1	51.6	55.7	49.4	54.2
Kesihatan	836	1,203	1,220	16.7	43.9	1.5	12.1	15.2	11.2
Perumahan	1,081	1,211	1,706	3.9	12.0	40.9	15.6	15.3	15.6
Lain-lain	1,154	1,588	2,085	2.7	37.7	31.3	16.6	20.1	19.0
JUMLAH	6,936	7,909	10,934	19.7	14.0	38.3	100.0	100.0	100.0

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2001.



Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan disatukan untuk 13 kerajaan negeri dijangka mencatatkan defisit yang lebih tinggi pada tahun 2000 disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan mengurus 15.8% dan pembangunan 31.7% berbanding pertumbuhan hasil 6.9% seperti di *Jadual 5.13*. Lebih akaun semasa dianggarkan menurun 2.4% kepada RM 4,214 juta (1999: RM4,317 juta). Selepas mengambil kira perbelanjaan pembangunan bersih RM5,661 juta, kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dijangka mencatatkan defisit RM1,447 juta (1999: RM491 juta).

Jumlah hasil disatukan bagi kerajaan negeri dianggarkan berjumlah RM9,536 juta (1999: RM8,913 juta) dengan sebahagian besarnya adalah hasil kerajaan negeri daripada sumber sendiri. **Hasil kerajaan negeri daripada sumber sendiri** yang merupakan 79.5% daripada jumlah keseluruhan hasil, dijangka meningkat 6.3% kepada RM7,585 juta (1999: RM7,134 juta). Hasil cukai yang sebahagian besarnya terdiri daripada hasil

berasaskan tanah dan cukai hiburan dianggarkan meningkat 15.9% kepada RM1,795 juta (1999: RM1,550 juta) dan menyumbang 23.6% kepada hasil kerajaan negeri daripada sumber sendiri.

Hasil bukan cukai merangkumi royalti perhutanan, petroleum dan pendapatan dari jualan barangan dan perkhidmatan, dividen dan kadar faedah dari pelaburan, bayaran lesen dan permit, denda dan kompaun serta sewaan dijangka meningkat 3.6% kepada RM5,790 juta (1999: RM5,584 juta). Hasil bukan cukai dijangka terus memberi sumbangan utama sebanyak RM76.3% kepada hasil kerajaan negeri daripada sumber sendiri.

Pemberian dan bayaran ganti oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri dijangka menyumbang 20.4% atau RM1,951 juta kepada keseluruhan hasil kerajaan negeri. Dari jumlah ini, pemberian (merangkumi pemberian perlembagaan dan pentadbiran) kepada kerajaan negeri berjumlah RM1,832 juta, manakala bayaran ganti Kerajaan Persekutuan (terutamanya untuk parit dan saliran serta projek pertanian) berjumlah RM119 juta.

Jadual 5.13

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Yang Disatukan

	RM juta		% Perubahan	
	1999 ¹	2000 ²	1999	2000
Akaun semasa				
Hasil	8,913	9,536	3.7	6.9
Perbelanjaan mengurus	4,596	5,322	-0.5	15.8
Lebihan semasa	4,317	4,214	11.1	-2.4
Akaun Pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	4,443	5,853	-7.3	31.7
Kumpulan wang pembangunan	3,767	5,001	-6.4	32.7
Kumpulan wang bekalan air	676	852	-12.1	26.2
Terimaan balik pinjaman	616	192	-30.5	-68.8
Perbelanjaan pembangunan bersih	3,826	5,661	-11.4	47.9
Baki keseluruhan	491	-1,447		

¹ sebenar.

² anggaran disemak.

Jumlah **perbelanjaan mengurus** kerajaan negeri dijangka meningkat 15.8% kepada RM5,322 juta. (1999: RM4,596 juta). Perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan dijangka berjumlah 34.4% atau RM1,833 juta pada tahun 2000. Perbelanjaan emolumen dianggarkan meningkat 8.7% kepada RM1,661 juta (1999: RM1,528 juta) menyumbang 31.2% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.

Perbelanjaan pembangunan kasar kerajaan negeri dianggarkan meningkat 31.7% kepada RM5,853 juta dengan sebahagian besarnya diperuntukkan bagi infrastruktur dan perumahan kos rendah untuk golongan miskin. Perbelanjaan untuk pengangkutan dijangka meningkat 51.2% kepada RM608 juta sementara untuk pertanian dan pembangunan luar bandar sebanyak 15.6% kepada RM883 juta. Perbelanjaan untuk perumahan awam dijangka meningkat 62.2% kepada RM558 juta (1999: RM399 juta), selaras dengan komitmen kerajaan negeri untuk menyediakan lebih banyak rumah yang mampu dimiliki oleh golongan miskin. Bagi menyediakan lebih banyak kemudahan awam, perbelanjaan untuk bekalan air dianggarkan meningkat 46.3% kepada RM1,041 juta, iaitu 17.8% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)

Kedudukan kewangan disatukan bagi 37 PABK¹ dijangka mencatat lebihan yang lebih rendah iaitu RM9,906 juta pada tahun 2000 (1999: RM13,217 juta), seperti ditunjukkan pada *Jadual 5.14*. Walaupun hasil yang disatukan dijangka meningkat, perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang tinggi telah menyebabkan pengurangan lebihan semasa ke paras RM38,848 juta dan lebihan keseluruhan kepada RM9,906 juta.

Jumlah hasil keseluruhan PABK dijangka meningkat 7.5% kepada RM101,039 juta (1999: RM94,031). *Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)*, *Telekom Malaysia Berhad (TMB)* dan *Tenaga Nasional Berhad (TNB)* menyumbang 84.8% kepada hasil keseluruhan PABK. Pemulihan ekonomi yang berterusan serta harga petroleum yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan hasil.

Perbelanjaan mengurus dan pembangunan PABK

Jadual 5.14

Kedudukan Kewangan PABK Yang Disatukan¹

	RM juta		% perubahan	
	1999 ³	2000 ⁴	1999	2000
Hasil	94,031	101,039	28.8	7.5
Perbelanjaan semasa	54,561	62,190	6.1	14.0
Pendapatan tertanggung	39,470	38,848	82.8	-1.6
% KNK	14.3	12.8		
Perbelanjaan pembangunan ²	26,252	28,942	6.4	10.2
Baki Keseluruhan	13,217	9,906	488.8	-25.1
% KNK	9.5	6.6		

¹ Merujuk kepada 37 PABK sejak 1998.

² Termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.

³ sebenar.

⁴ anggaran.

berjumlah RM91,132 juta (1999: RM80,813 juta). Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 14% kepada RM62,190 juta (1999: RM54,561 juta) berikutan bayaran khidmat hutang yang tinggi. Perbelanjaan pembangunan dianggarkan meningkat 10.2% kepada RM28,942 juta (1999: RM26,252 juta) berikutan sebahagian besar daripada program pemodenan dan pengembangan beberapa PABK, khasnya untuk projek infrastruktur dan kemudahan awam. PETRONAS, TNB dan TMB membelanjakan sebahagian besar iaitu RM23,636 juta atau 81.6% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan.

PETRONAS akan terus melabur di kedua-dua aktiviti hulu dan hiliran, termasuk pembinaan beberapa projek petrokimia di Kerteh dan Gebeng, serta pembesaran dan kenaikan taraf Universiti Teknologi Petronas di Tronoh. PETRONAS juga akan terus meningkatkan pelaburan di seberang laut untuk kedua-dua aktiviti hulu dan hiliran. Perbelanjaan modal TNB adalah untuk meningkatkan kapasiti, di samping menaikkan taraf

¹ Bilangan PABK telah ditambah daripada 28 kepada 37 untuk memberi gambaran yang lebih baik mengenai sumbangan PABK kepada sektor awam.

rangkaian pancaran dan penyebaran untuk memenuhi permintaan elektrik yang meningkat. Projeknya yang terbesar ialah menaikkan taraf dan pembesaran loji jana kuasa Sultan Abdul Aziz Shah di Kapar. Sejalan dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), TMB akan terus memodenkan infrastruktur telekomunikasi di samping menaikkan taraf rangkaian komunikasi tempatan dan antarabangsa. Salah satu projek utamanya ialah pembesaran projek TMNET POP (Point Of Present) bagi meningkatkan kapasiti TMB sebagai pembekal perkhidmatan internet (ISP) ke seluruh Malaysia. Projek utama lain ialah sistem kabel dasar laut bagi menghubungkan Malaysia dengan Eropah, Timur Tengah, India, Asia Timur dan Amerika Syarikat.

Hutang Negara

Hutang negara terdiri daripada hutang jangka pendek (tempoh matang kurang daripada satu tahun), sederhana dan jangka panjang sektor awam dan swasta. Menjelang akhir tahun 2000, jumlah hutang negara dijangka berkurangan 2.6% kepada RM156,641 juta atau 51.8% daripada KNK (1999: RM160,750 juta atau 57.5% daripada KNK), seperti ditunjukkan di *Jadual 5.15*, berikutan daripada pengurangan ketara hutang jangka pendek.

Hutang sederhana dan jangka panjang sektor awam dan swasta berjumlah RM136,847 juta (1999: RM136,634 juta) menyumbang 87.4% kepada keseluruhan hutang negara. Hutang sektor awam yang terdiri daripada hutang sederhana dan jangka panjang Kerajaan Persekutuan dan PABK berjumlah RM77,227 juta meningkat 0.3% dari tahun 1999, sementara hutang sektor swasta kekal pada paras yang hampir sama seperti tahun 1999. **Hutang jangka pendek** yang terdiri daripada pinjaman oleh sektor perbankan dan syarikat swasta dengan tempoh matang kurang daripada satu tahun dijangka merosot 17.9% kepada RM19,794 juta (1999: RM24,116 juta). Kos pinjaman luar yang lebih tinggi berserta dengan kadar faedah dalam negeri yang rendah dan mudah tunai yang tinggi telah membawa kepada pengurangan ketara dalam kedua-dua pinjaman jangka pendek sektor bank perdagangan dan sektor swasta bukan bank. Peratusan hutang jangka pendek daripada rizab antarabangsa berkurangan kepada 15.4% pada tahun 2000 (1999: 20.6%).

Jumlah **khidmat hutang**, terdiri daripada bayaran balik pokok dan bayaran faedah, dijangka berkurangan 2.9% kepada RM18,958 juta pada tahun 2000 (1999: RM19,515 juta), terutama kerana bayaran balik pokok yang rendah oleh sektor swasta dan PABK. Bayaran balik pokok dianggarkan berjumlah RM13,113 juta dan bayaran

Jadual 5.15



Hutang Negara

	RM juta		% Perubahan		% Bahagian	
	1999	2000	1999	2000	1999	2000
Hutang sederhana dan jangka panjang	136,634	136,847	5.8	0.2	85.0	87.4
Sektor awam	77,010	77,227	13.0	0.3	47.9	49.3
Kerajaan Persekutuan	18,369	19,386	23.1	5.5	11.4	12.4
PABK	58,641	57,841	10.2	-1.4	36.5	36.9
Dijamin	11,111	11,096	16.6	-0.1	6.9	7.1
Tidak dijamin	47,530	46,745	8.8	-1.7	29.6	29.8
Sektor swasta	59,624	59,620	-2.3	0.0	37.1	38.1
Hutang jangka pendek	24,116	19,794	-25.1	-17.9	15.0	12.6
JUMLAH	160,750	156,641	-0.4	-2.6	100.0	100.0

faedah RM5,845 juta. Berikutan daripada khidmat hutang yang rendah, **nisbah khidmat hutang** iaitu nisbah khidmat hutang kepada eksport barangan dan perkhidmatan, dianggarkan berkurangan kepada 5.4% (1999: 5.9%).

Hutang Kerajaan Persekutuan


Jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada hutang dalam negeri dan luar negara dianggarkan meningkat 12.3% kepada RM125,895 juta pada tahun 2000, bersamaan 41.6% daripada KNK (1999 : RM112,119 juta atau 40.1% daripada KNK) seperti di *Jadual 5.16*. Daripada jumlah ini, hutang dalam negeri ialah RM106,509 juta iaitu meningkat 13.6% (1999: RM93,750 juta). Peningkatan ketara ini terutamanya disebabkan oleh terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang tinggi merangkumi RM89,050 juta atau 83.6% daripada keseluruhan hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan. Baki 16.3% atau RM17,459 juta terdiri daripada Bil



Perbendaharaan (TBs), Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Perbendaharaan serta Pinjaman Bersindikit daripada bank asing yang beroperasi di negara ini.

Memandangkan Kerajaan Persekutuan kurang bergantung kepada pinjaman luar pada tahun 2000, peningkatan **hutang luar** dijangka berkurang 5.5% kepada RM19,386 juta atau 6.4% daripada KNK (1999: RM18,369 juta atau 6.6% daripada KNK). Pinjaman pasaran kekal sebagai komponen terbesar hutang luar negara berjumlah 59.9% (RM11,614 juta) dan selebihnya 41.1% atau RM7,772 juta adalah pinjaman projek. Selain untuk memenuhi keperluan pembiayaan, pinjaman luar telah membantu mengekalkan kedudukan Malaysia dalam pasaran dan menjadi ukur rujuk untuk pinjaman sektor korporat.

Mengikut komposisi mata wang, dolar AS merupakan komponen utama hutang luar berjumlah 67% atau RM12,000 juta daripada keseluruhan hutang. Ini diikuti oleh hutang dalam mata wang




yen yang berjumlah kira-kira 20%, manakala baki hutang luar yang lain dalam mata wang swiss francs, deutschemark dan pound sterling. Hutang luar Malaysia dalam mata wang yen dijangka meningkat dengan pengeluaran pinjaman di bawah Inisiatif Miyazawa Baru.

Jumlah keseluruhan **khidmat hutang** Kerajaan Persekutuan (bayaran faedah dan bayaran balik pokok) dijangka meningkat 3.4% kepada RM19,084 juta (1999 : RM18,457 juta). Bayaran balik pinjaman pokok berjumlah RM9,454 juta dengan RM5,286 juta atau 55.7% bagi bayaran balik untuk pinjaman dalam negeri. Bayaran faedah berjumlah RM9,630 juta, RM8,132 juta daripadanya atau 83.4% ialah untuk pinjaman dalam negeri. Bayaran khidmat hutang yang meningkat berpunca daripada pertambahan pinjaman pada kadar faedah yang tinggi berikutan krisis kewangan. Walau bagaimanapun untuk mengurangkan beban khidmat hutang, kerajaan telah mengenal pasti kemungkinan pembiayaan semula dan bayaran balik awal ke atas pinjaman sedia ada. Berkaitan ini, Kerajaan pada Ogos 2000 telah mengubah harga pinjaman bersindiket dalam negeri berjumlah AS 1.3 bilion yang diperolehi pada tahun 1999. Dengan perubahan ini, kadar faedah telah dikurangkan daripada Kadar Tawaran Antara Bank London

Jadual 5.16

Hutang Kerajaan Persekutuan

	RM juta		% Perubahan		% Bahagian	
	1999	2000	1999	2000	1999	2000
Hutang dalam negeri	93,750	106,509	6.3	13.6	83.6	84.6
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	0.0	0.0	3.8	3.4
Terbitan Pelaburan	2,000	4,000	0.0	100.0	1.8	3.2
Sekuriti Kerajaan	78,336	89,050	4.4	13.7	69.9	70.7
Lain-lain pinjaman dalam negeri	9,094	9,139	32.5	0.5	8.1	7.3
Hutang luar	18,369	19,386	23.1	5.5	16.4	15.4
Pinjaman pasaran	11,075	11,614	44.0	4.9	9.9	9.2
Pinjaman projek	7,294	7,772	0.9	6.6	6.5	6.2
JUMLAH	112,119	125,895	8.7	12.3	100.0	100.0



(LIBOR) tambah 290 mata asas kepada LIBOR tambah 52 mata asas yang dapat menjimatkan kira-kira RM34 juta setahun bagi tempoh tiga tahun bermula Julai 2000.

Tinjauan tahun 2001

Teras dasar fiskal bagi tahun 2001 akan terus memberi penekanan kepada mencapai pertumbuhan mapan. Oleh itu, kerajaan akan meneruskan program rangsangan fiskal. Walau bagaimanapun, perbelanjaan akan terus mengambilkira sumber-sumber yang ada untuk memastikan saiz defisit kerajaan tidak menggugat ekonomi dalam jangka masa sederhana dan panjang. Di samping itu, pembiayaan defisit akan terus bergantung sebahagian besarnya kepada sumber-sumber bukan inflasi dalam negeri.

Hasil yang disatukan bagi sektor kerajaan dijangka meningkat 13.3% kepada RM83,572 juta (2000: RM73,786 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh hasil Kerajaan Persekutuan.

Jumlah perbelanjaan mengurus sektor kerajaan dijangka meningkat 4.4% kepada RM67,860 juta (2000 : RM65,008 juta), terutamanya oleh perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun. Oleh itu, akaun semasa sektor kerajaan dijangka mencatat lebih yang tinggi berjumlah RM15,712 juta (2000:RM8,777 juta). Lebih semasa PABK dijangka meningkat 7.9% kepada RM39,980 juta (2000 : RM37,038 juta), kerana prospek hasil PABK bertambah baik terutamanya dalam sektor eksport dan kemudahan awam. Oleh itu, kedudukan akaun semasa disatukan bagi sektor awam dijangka mencatat lebih RM55,692 juta atau 17% daripada KNK (2000: RM45,815 juta atau 15% daripada KNK). Perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka bertambah 10.8% kepada RM60,846 juta (2000: RM54,911 juta), terutamanya daripada perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan yang meningkat 28.7%. Sektor awam akan mencatat defisit RM5,154 juta atau 1.6% daripada KNK pada tahun 2001 (2000 : RM9,096 juta atau 3.0% daripada KNK).

Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Persekutuan akan meneruskan dasar fiskal yang mengembang pada tahun 2001. Dengan kedudukan ekonomi yang dijangka pulih, peranan Kerajaan Persekutuan dalam merangsang ekonomi akan berkurangan. Dengan ini, defisit Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang kepada RM16,136 juta atau 4.9% daripada KNK dengan prospek hasil yang lebih baik dan peningkatan kecil dalam perbelanjaan.

Hasil

Kutipan hasil untuk tahun 2001 dijangka meningkat 9.6% berikutan prospek perniagaan yang bertambah baik dan harga minyak mentah yang tinggi yang menyumbang kepada peningkatan kutipan kedua-dua hasil cukai langsung dan tidak langsung. Hasil cukai dijangka meningkat 10.7% kepada RM53,683 juta dan sumbangannya kepada hasil Kerajaan Persekutuan kekal tinggi pada 77.1%. Cukai langsung dijangka meningkat 13.4% kepada RM33,802 juta dan cukai pendapatan ke atas petroleum dianggarkan meningkat 35.7%.

Cukai tidak langsung dijangka meningkat 6.3% kepada RM19,881 juta. Semua komponen cukai tidak langsung dijangka meningkat antara 1.1% untuk duti import hingga 15.3% untuk cukai perkhidmatan.

Kutipan daripada **hasil bukan cukai** dijangka meningkat 6.3% kepada RM15,927 juta. Lesen dan permit dijangka meningkat 11.4% kepada RM6,765 juta. Hasil daripada lesen kenderaan motor merupakan penyumbang terbesar berjumlah RM2,063 juta memandangkan permintaan kenderaan bermotor yang terus menggalakkan. Terimaan daripada faedah dan pulangan pelaburan dijangka meningkat 2.3% kepada RM7,264 juta.

Belanjawan Mengurus

Peruntukan untuk belanjawan mengurus bagi tahun 2001 dijangka meningkat 4.3% kepada RM60,710 juta. Sebahagian besar peruntukan mengurus iaitu 61.3% adalah untuk emolumen, bayaran khidmat hutang serta bekalan dan perkhidmatan. Peningkatan peruntukan untuk emolumen disebabkan kenaikan gaji tahunan berikutan pelarasan gaji baru-baru ini. Selaras dengan pinjaman yang besar dibuat oleh kerajaan semenjak tahun 1998, peruntukan untuk **bayaran khidmat hutang** dijangka meningkat 5.7% kepada RM10,175 juta dan 85.7% daripadanya atau RM8,725 juta adalah untuk bayaran khidmat hutang dalam negeri. Peruntukan untuk bekalan dan perkhidmatan juga dijangka meningkat 27.2% kepada RM10,088 juta. Bayaran pencen dan ganjaran adalah berjumlah RM3,962 juta atau 6.5% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.

Belanjawan Pembangunan

Peruntukan pembangunan bagi tahun 2001 dijangka kekal pada jumlah yang besar RM26,836 juta sejajar dengan usaha untuk merangsang ekonomi. Selaras dengan sektor swasta yang dijangka berperanan semula sebagai pemangkin kepada pertumbuhan, peruntukan untuk **sektor ekonomi** dijangka berkurangan 18% kepada RM9,429 juta dengan pengangkutan dan infrastruktur kekal sebagai komponen terbesar iaitu 57.3%. Projek utama di bawah pengangkutan ialah membina dan menaik taraf jalan seperti *Primary Distributor Road* di Putrajaya dan Jalan Kuala Kangsar-Grik serta jalan-jalan luar bandar. Bagi pengangkutan rel, projek utamanya adalah untuk pembinaan Landasan Elektrik Berkembar Rawang-Ipoh dan landasan tambahan ke Terminal Kontena Butterworth Utara dan ke Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor. Perdagangan dan perindustrian

merupakan 26.4% daripada peruntukan sektor ekonomi dengan sebahagian besar peruntukan disediakan untuk penyelidikan dan pembangunan. Pertanian dan pembangunan luar bandar yang merangkumi 15.6% daripada peruntukan akan digunakan untuk pengairan dan saliran, perkhidmatan pertanian, perikanan serta pembangunan tanah.

Peruntukan belanjawan untuk **sektor perkhidmatan sosial** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 38.3% kepada RM10,934 juta dengan sektor kecil pendidikan diperuntukkan RM5,923 juta atau 54.2%. Ini adalah selaras dengan usaha berterusan kerajaan ke arah K-ekonomi dan merapatkan jurang digital melalui pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Projek utama pendidikan ialah membina 604 sekolah rendah dan 512 sekolah menengah baru, 20 politeknik dan 90 projek pendidikan vokasional dan teknikal. Di samping itu, pendidikan tinggi juga akan diberi keutamaan, dengan RM906 juta diperuntukan untuk 12 buah universiti awam dan RM1,300 juta untuk Tabung Pendidikan Tinggi Negara. Peruntukan untuk perumahan dijangka meningkat 40.9% kepada RM1,706 juta, terutamanya untuk pembinaan rumah kos rendah yang akan dilaksanakan oleh kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Perbelanjaan untuk sektor kecil kesihatan juga dijangka meningkat 1.5% kepada RM1,220 juta sejajar dengan beberapa projek yang sedang berjalan di samping projek baru yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2001. Antaranya ialah pusat kesihatan luar bandar, hospital baru di Johor Bahru, Sungai Petani dan Alor Setar serta projek-projek untuk menaik taraf hospital di beberapa buah negeri.

Peruntukan untuk **sektor keselamatan** dijangka meningkat 13.4% kepada RM3,158 juta dengan sebahagian besar adalah untuk sektor kecil pertahanan berjumlah RM2,542 juta. Projek-projek utama sektor ini ialah pembelian peralatan dan kenderaan tentera dan pembinaan pangkalan tentera laut di Telok Sepangar serta pembayaran berjadual untuk kapal peronda.

Peruntukan yang besar disediakan untuk sektor **pentadbiran am** berjumlah RM3,315 juta. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk pengkomputeran pentadbiran kerajaan, pembangunan aplikasi perdana di bawah Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kemudahan awam untuk pusat pentadbiran kerajaan yang baru di Putrajaya.